

# Contohi ketegasan Tun Abdul Razak tadbir negara

Khairunnasya  
Mohamed Shazali,  
Arkib Negara Malaysia

**Harimau** mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama begitu pepatah Melayu klasik selalu menyebutkan mengenai budi dan jasa baik individu.

Dalam konteks pembangunan negara, kejayaan Malaysia hari ini dicapai oleh kebijaksanaan pemimpin terdahulu dan diteruskan oleh peneraju hari ini.

Antara yang banyak berbakti adalah Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussien. Berasal dari Pekan, Pahang beliau adalah insan bercita-cita tinggi mahu mengubah nasib orang Melayu, terutama di kawasan luar bandar.

Banyak diceritakan dan dituliskan mengenai pencapaian dan jasa baik beliau. Antara yang cukup mengesankan, ketika beliau berusia 19 tahun dan menuntut di Kolej Raffles, pengajiannya tertangguh susulan pendaratan tentera Jepun di Tanah Melayu.

Abdul Razak pulang ke kampung dan melihat sendiri kekejaman dan kezaliman Jepun. Hal ini menggerakkan beliau dan rakannya untuk menyertai Wataniah untuk menentang Jepun.

Perjalanan politik Abdul Razak juga cukup cemerlang dalam membantu merealisasikan cita-citanya membangunkan negara. Malah, keazaman tinggi untuk memerdekakan tanah air ini membuatkan beliau melepaskan jawatannya dalam perkhidmatan awam untuk bergiat sepenuh masa dalam bidang politik pada 1955.

Langkah ini berbaloi apabila beliau dan Parti

Perikatan memperoleh kemenangan besar pada Pilihan Raya Persekutuan dan Abdul Razak dilantik menjadi Menteri Pelajaran pada usia 33 tahun. Kedudukan itu membolehkan beliau mengusahakan Penyata Razak untuk membentuk satu sistem pendidikan nasional yang memenuhi keperluan pembangunan sosial, ekonomi, budaya dan politik.

Prinsip asas dalam Penyata Razak adalah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tanpa menjejaskan perkembangan bahasa dan kebudayaan kaum lain. Melalui Penyata Razak ini, Tun Abdul Razak berjaya menyatukan sistem pelajaran untuk membina satu bangsa yang bersatu padu.

Ketika hayatnya, Abdul Razak juga terbabit menyumbangkan idea dan usaha dalam memastikan proses peralihan kuasa dibuat secara aman tanpa senjata sehingga Persekutuan Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan.

'Rombongan Merdeka' yang disertai beliau pada 1956 untuk mengadakan rundingan mendapatkan kemerdekaan berjaya dalam misinya dan kerajaan British bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, melalui Suruhanjaya Reid, Abdul Razak turut terbabit secara tidak langsung dalam membahaskan fasal yang terkandung

dalam Perlembagaan, terutama membabitkan isu hak istimewa orang Melayu, kerakyatan, agama dan bahasa.

Namun, tercapainya kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 bukan bererti bahawa perjuangan sudah selesai. Bagi Abdul Razak, kemerdekaan bererti memberi taraf hidup lebih baik dan sempurna kepada orang Melayu.

Bersifat tenang dan seorang pemikir yang sangat hebat, Abdul Razak adalah seorang ahli politik yang berpendirian tegas, memiliki semangat keusahawanan dan berdaya inovasi tinggi serta cekap dalam mengemblem atau menguruskan pentadbiran negara.

Ia menjadi teras kepada kejayaan beliau untuk mengubah landskap ekonomi negara selepas merdeka serta merapatkan jurang ekonomi yang wujud di antara orang Melayu dengan bangsa lain.

Sebagai mengabadikan jasa dan sumbangan Tun Abdul Razak kepada negara, Arkib Negara Malaysia menubuhkan Memorial Tun Abdul Razak, terletak di Sri Taman, Jalan Perdana, Kuala Lumpur. Memorial ini pada asalnya dikenali sebagai Bangunan Sri Taman iaitu kediaman rasmi beliau dan keluarga.

Ketika pembukaannya dahulu pada 6 Mei 1982, ia dirasmikan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad. Memorial ini mempunyai dua dewan pameran yang memperagakan bahan pameran seperti dokumen rasmi, personalia, gambar dan lain-lain berkaitan Abdul Razak, bermula dari awal sehingga akhir hayatnya.